

lokal

Oleh Mahaizura Abd Mallik
mahaizura@hmetro.com.my

'DENTUMAN KUAT...'

Penghuni terkejut pangsapuri terjejas akibat kejadian tanah runtuh

"Saya ingatkan kereta berlanggar kerana dentuman kuat disusuli bunyi dahan pokok patah.

"Saya jenguk dari tingkap bilik rupanya tembok berhampiran parkir sudah terbalik dihipamp tanah runtuh," demikian kata Muhammad Shafiq Samsi, 29.

Muhammad Shafiq antara 65 penghuni yang menetap di Blok A, Azalea Apartments di Kampung Sri Penchala yang terjejas akibat kejadian tanah runtuh, malam kelmarin.

Menceritakan detik cemas itu, Muhammad Shafiq berkata, ketika kejadian jam 9 malam hanya dia berada dalam rumah di tingkat tiga pangsapuri itu manakala dua rakan penyewanya masih belum pulang.

"Selepas bersiap ala kadar, saya membawa barangan penting turun ke bawah. Dalam hati berdebar-debar bimbang jika tidak sempat menyelamatkan diri kerana runtuhnya tanah masih berlatu.

"Syukur umur masih panjang, malah saya sempat mengeluarkan kereta dari ruang parkir bawah apartment sebelum menghubungi talian 999 dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)," katanya.

Sementara itu, Siti Norhalijah Hamid, 36, memberitahu kejadian seumpama itu kali pertama berlaku sepan-



TIMBALAN Menteri Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat, Hannah Yeoh dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan melihat keadaan tanah runtuh di Pangsapuri Azalea.



Saya hanya sempat mengambil dokumen penting dan seperalinan pakaian sekolah anak dengan diiringi pihak berkuasa"

Siti Norhalijah Hamid

salinan pakaian sekolah anak dengan diiringi pihak berkuasa.

"Sehingga jam 1 pagi, kami orang terakhir meninggalkan kawasan rumah, tetapi tiada taklimat penempatan diberikan sebelum kami mengambil keputusan tidur di rumah keluarga berdekatan.

"Sudah tentu penempatan sementara perkara paling penting apatah lagi saya mempunyai anak kecil berusia dua tahun dan tiga anak bersekolah," katanya.

Mohd Khairul Sutjonoh, 39, pula berkata, penduduk daripada 24 rumah yang terjejas masih tertanya-tanya penempatan sementara.



PEGAWAI memeriksa keadaan tiang rumah.



KRONOLOGI BENCANA DI SUNGAI PENCHALA

4 JAN 2018
Runtuhan longkang di kawasan kediaman di Jalan Athinahappan 2, Taman Tun Dr Ismail.

28 MEI 2018
Hujan lebat kira-kira sejam menyebabkan Surau Rumbia di Jalan Damansara, Kampung Penchala dilanda banjir kilat mengakibatkan solat Tarawih terpaksa dibatalkan.

21 JULAI 2019
Banjir kilat susulan hujan lebat menyebabkan sebahagian laluan ke Terowong Penchala Link menghala ke Damansara dilanda banjir lumpur dan lebih 10 kediaman serta premis di sekitar Kampung Sungai Penchala terjejas.

11 OKTOBER 2019
Seramai 65 penduduk sebuah pangsapuri di Jalan Sri Penchala 1, Kampung Sri Penchala dipindahkan berikutan tanah runtuh yang berlaku di kediaman mereka.

jang 13 tahun mereka enam beranak menetap di pangsapuri terbabit. Katanya, ketika kejadian mereka sekeluarga keluar makan sebelum mendapat tahu kejadian dalam kumpulan WhatsApp penghuni.

"Penduduk tidak dibenarkan tinggal di situ, saya hanya sempat mengambil dokumen penting dan seper-



RINGKAS

Empat lelaki ditahan disyaki terbabit kes pukul

Miri: Empat lelaki warga India ditahan kerana disyaki terbabit dengan kes pukul seorang pemandu e-hailing, kelmarin.

Semua suspek berusia 22 hingga 26 tahun ditahan di lokasi berasingan oleh anggota Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (BSJD) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Miri.

Ketua Polis Daerah Miri, Asisten Komisiner Lim Meng Seah ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berkenaan dan memaklumkan suspek kini direman bagi membantu siasatan.

Beliau berkata, ketika kejadian di kedai serbaneka 24 jam pada jam 1.15 pagi itu, semua suspek yang berada di bawah pengaruh alkohol memukul mangsa menggunakan botol kaca.

"Akibat pukulan itu, mangsa cedera di tangan kiri, pipi dan kepala.

"Mangsa mendapat rawatan di Hospital Miri dan menerima dua jahitan masing-masing di bahagian yang cedera," katanya.

Lim berkata, siasatan awal mendapati kejadian berpunca daripada rasa tidak puas hati mangsa kerana suspek tidak membayar tambang selepas membatalkan tempahan.

Mangsa cedera di tangan kiri, pipi dan kepala menerima dua jahitan